



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
08 FEBRUARI 2017 (RABU)**

AKHBAR

MUKA SURAT

The Star

- | | |
|---------------------|----|
| - COMPOUND DISCOUNT | 04 |
|---------------------|----|

Sinar Harian

- | | |
|----------------------------------|----|
| - Guna kontraktor yang berdaftar | 39 |
|----------------------------------|----|

Utusan Malaysia

- | | |
|---|----|
| - Premis 'kitar semula' degil bakal diroboh | 26 |
|---|----|

Berita Harian

- | | |
|-------------------------------------|----|
| - Amaran rampas tanah pemilik degil | 13 |
|-------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR
08 FEBRUARI 2017 (RABU)**

| | |
|--------------|-------------------|
| Akhbar | The Star |
| Tajuk Berita | COMPOUND DISCOUNT |
| Muka Surat | 04 |

COMPOUND DISCOUNT 8/2/17
The Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) is offering a reduction of RM10 for compounds dated less than 14 days and RM30 for compounds dated before that from now until May 31. MPAJ has also begun to tow and clamp vehicles found to have repeat offences. 1/5/04 TS.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
08 FEBRUARI 2017 (RABU)

| | |
|--------------|--------------------------------|
| Akhbar | Sinar Harian |
| Tajuk Berita | Guna kontraktor yang berdaftar |
| Muka Surat | 39 |

SH 8/2/17 M& 39.

Guna kontraktor yang berdaftar

Ubah suai rumah perlu ada permit sah

BANGI - Persatuan Kontraktor Bumiputera Kelas F (PERKOBF) Malaysia cawangan Selangor menggesa kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengambil tindakan tegas terhadap kontraktor tidak berdaftar yang menjalankan kerja ubah suai kediaman.

Yang Dipertua PERKOBF cawangan Selangor, Adnan Abd Malek berkata, pihaknya berharap Kerajaan Selangor mendahului kerajaan pusat menguatkuasakan undang-undang kepada pemilik yang mahu melaksanakan ubah suai rumah perlu mendapatkan kontraktor berdaftar dengan Bahagian

Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) serta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

"Kerajaan negeri dan PBT perlu menguatkuaskan pengkhususan B28 yang memberi fokus kepada kerja pengubahsuaian rumah kediaman.

"Kami mendapati kontraktor warga asing yang tak berdaftar dan tiada lesen melaksanakan kerja ubah suai kediaman, ada segelintir daripada mereka tiada permit," katanya mengulas kenyataan Adun Chempaka, Datuk Iskandar Abdul Samad berhubung saranannya supaya

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) mengambil tindakan segera terhadap mereka yang melakukan ubah suai serta penambahan rumah tanpa mendapat kelulusan pihak berkuasa.

Adnan berkata, kontraktor yang berlesen pasti akan berfikir 10 kali jika melaksanakan projek tidak mengikut piawai-an Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Pemilik rumah boleh ambil tindakan saman ke atas kontraktor yang menggunakan bahan yang tidak berkualiti seperti wayar elek-trik dengan harga yang murah serta bukan 'pure copper,' di-percayai boleh mengakibatkan litar pintas," katanya.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
08 FEBRUARI 2017 (RABU)

| | |
|--------------|---|
| Akhbar | Utusan Malaysia |
| Tajuk Berita | Premis 'kitar semula' degil bakal diroboh |
| Muka Surat | 26 |

Premis 'kitar semula' degil bakal diroboh

KUALA LUMPUR 7 Feb - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) akan menjalankan tindakan penyuatuasaan lebih tegas terhadap pengusaha premis perabot terpakai degil berhampiran Kampung Pasir, Hulu Klang, Selangor.

Pegawai Perhubungan Awam MPAJ, Norhayati Ahmad berkata, tindakan penguatkuasaan itu termasuk meroboh premis berkenaan.

Menurutnya, dalam surum ini notis kompaun telah dilihatkan pihak berkuasa tempatan terhadap pengusaha kerana gagal mematuhi aspek kebersihan.

"Silap degil pengusaha membikarkan timbunan perabot terpakai melimpah hingga ke bahu jalan menimbulkan rungutan dan kacau ganggu kepada penduduk setempat.

Jika pengusaha masih berde-



gil tindakan meroboh struktur premis akan dilakukan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas aduan orang

awam mengenai premis perabot terpakai berhampiran Kampung Pasir, Hulu Klang yang didakwa masih beroperasi seperti biasa seolah-olah mereka tidak takut dengan undang-undang.



GAMBAR premis yang menjalankan perniagaan perabot terpakai didakwa beroperasi di sana berhampiran Kampung Pasir, Hulu Klang, Selangor kiriman seorang pembaca.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
08 FEBRUARI 2017 (RABU)

| | |
|--------------|-----------------------------------|
| Akhbar | Berita Harian |
| Tajuk Berita | Amaran rampas tanah pemilik degil |
| Muka Surat | 13 |

BH - Rabu, 8 Februari 2017 **Ms.13**

→ HALAMAN KOTA

ISU AIR BUKIT PUNCA MRR2 BANJIR

Amaran rampas tanah pemilik degil



[FOTO FARIS FUAD/BH]

Kakitangan Jabatan Pengairan dan Saliran berbincang dengan wakil kerajaan negeri selepas meninjau kawasan pembangunan tanah persebelahan MRR2 yang menjadi punca banjir lumpur di kawasan itu.

Oleh Faris Fuad
faris.fuad@bh.com.my
■ Kuala Lumpur

Kerajaan Selangor akan memerlukan tanah yang terlepas di kawasan berhampiran jalan antara Gombak Hulu Kelang ke Lebuhraya Lingkaran Tengah 2 (MRR2) sekitarnya pemilik herdegil dan tidak mematuhi undang-undang.

Ia bagi memastikan air dari kawasan bukit berkenaan tidak turun ke kawasan lebuh raya sehingga lalu-lan itu ditenggelamai air dan menghalangi perjalanan kendaraan sehingga beberapa jam, bangunkan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Permodenan, Pertanian dan Industri Asas Tani Selangor, Zaidy Abdul Talib, berkata sehingga kini, Majlis Perbandaran Selangor (MPS) sudah mengeluarkan 12 kompaun termasuk menyertai perselatan dan jentera pemilik tanah di kawasan berkenaan yang bangunkan.

Keluar pelbagai notis

Selain itu, Pejabat Tanah dan Deraerah Gombak turut menerangkan pelbagai notis kesalahan selain membangun pagar halangan dan kawalan statik untuk memastikan insiden itu tidak berulang.

"Kerajaan negeri sudah mengambil tindakan pengurusan dan mengikut undang-undang dan peraturan sedia ada menerusi pihak berwajib dan akan mengambil tindakan yang lebih keras termasuk merampas tanah mereka yang didapati tidak mematuhi peraturan," katanya kepada BH.

Zaidy berkata, pihaknya juga melihat tindakan Jabatan Kerja Raya (JKR) membina dua longkang bagi menyekat aliran air bukit daripada melimpah ke MRR2 sebagai memadai buat masa ini dan sebagai jalan penyelesaian jangka pendek.

"Ia sebagai langkah pencegahan dalam menangani aliran air daripada melimpah kawasan lebuh raya.

"Selagi masalah ini tidak ditangani sepenuhnya, keadaan dijangka berulang jika berlaku hujan lebat dalam jangka masa yang panjang," katanya.

Banjir lumpur

Dalam kejadian baru-baru ini hujan yang berlanjut selama sejam menyebabkan banjir lumpur di Lebuh Raya MRR2 dari Gombak ke Ampang, berhampiran susur keluar Lebuhraya Karak-Gombak sehingga ketiga-tiga lorong terhalang.

Banjir lumpur itu diperdayai berpunca daripada aliran dari kawasan pembinaan berhampiran dan kolam takungan yang ada di situ yang didapati sudah didirikan kedai kenderaan terpakai.

Berberapa projek pembinaan di sekitar lereng bukit yang menyebabkan banyak pokok ditebang juga didakwa menjadi punca banjir lumpur di lebuh raya berkenaan.

Sorang peniaga di kawasan berkenaan berkata, kejadian aliran air dari kawasan bukit turun ke lebuh raya berkenaan sudah berlurutan sejak lima tahun lalu dan kejadian kenderaan terperangkap dalam banjir lumpur adalah sesuatu yang sangat biasa.

Justeru katanya, pihak berkuasa diminta mencari jalan penyelesaian termasuk membesarkan lagi sistem perparitan bersebelahan lebuh raya itu atau membuat kolam takungan banjir sementara.

Lima tahun hadapi banjir lumpur

Keratan akhbar
BH 25 Januari lalu.



Antara kawasan bukit dekat Lebuh Raya Lingkaran Tengah 2 yang dibangunkan pemilik.